

A.I. untuk Kebaikan Sosial

Hari ini, dunia menghadapi banyak cabaran besar.



Bulatkan isu di atas yang paling membimbangkan anda.

Data boleh membantu kita memahami cabaran rumit ini dengan lebih baik.

Dan **Kecerdasan Buatan (A.I.)** boleh memproses jumlah data yang amat besar dalam mili saat.

A.I. membolehkan kita menganalisis dan memberi respons kepada data dalam masa sebenar untuk membantu manusia dan planet kita.



Mari kita lihat cara kita boleh menggunakan **A.I. untuk Kebaikan Sosial.**

Oh tidak! **Bandar Kita** baru saja dilanda ribut.

Orang ramai perlukan bantuan!
Tetapi jangan risau.

Mujurlah, kita ada rancangan untuk mendapatkan sukarelawan dan bekalan kepada orang yang memerlukannya.



- 1 Hantar sebuah trak  ke sekolah kerana sekolah amat penting.
- 2 Hantar sebuah trak  ke taman kerana ia berada di tengah bandar.

A.I. untuk Kebaikan Sosial

Mari kita lihat rancangan kita pada peta bandar di bawah.

Tetapi tunggu!
Data ini baru tiba:

Perkhidmatan Cuaca BANJIR DILAPORKAN
Kata Kunci = BANJIR

A-1

B-1

C-1

Perkhidmatan Cuaca AMARAN ANGIN KENCANG
Kata Kunci = ANGIN


B-1

B-2


C-1

Tuliskan kata kunci **BANJIR** dalam kuadran A-1, B-1 dan C-1 pada peta.

Tuliskan kata kunci **ANGIN** dalam kuadran B-1, B-2 dan C-1 pada peta.



Adakah rancangan anda akan berfungsi? Tuliskan idea anda di sini.



A.I. untuk Kebaikan Sosial

Kini kita dapat lihat rancangan asal kita tidak berkesan.
 Terdapat banjir di sekolah dan angin kencang di taman.
 Ini bukan tempat yang baik untuk menghantar sumber kita.

Pangkah trak pada peta anda.

Mari kita kumpulkan lebih banyak data untuk membuat rancangan yang lebih baik.
 Lihat pada data yang diterima ini:

Syarikat Elektrik MELAPORKAN GANGGUAN Kata Kunci = GANGGUAN	B-2	B-3	C-3
Jabatan Pengangkutan TIADA KENDERAAN MELINTAS Kata Kunci = DISEKAT	A-1	B-3	C-2
Syarikat Telefon Mudah Alih JUMLAH PANGGILAN TINGGI Kata Kunci = PANGGILAN	A-1	A-3	C-2
Syarikat Kad Kredit AKTIVITI YANG LUAR BIASA TINGGI Kata Kunci = KAD	A-2	A-3	

Menggunakan Kata Kunci untuk setiap set, rekodkan data baharu pada peta anda.

Sekarang, lihat pada peta anda dengan semua data yang telah diplotkan.
 Bolehkah anda lihat:

- Di manakah terdapat kuasa? • Di manakah orang ramai membuat panggilan?
- Di manakah jalan dibuka? • Di manakah orang ramai membuat pembelian?

Di manakah akan anda hantar sukarelawan dan bekalan anda dan mengapa?

Jika anda katakan A-3, kami setuju! Tapi tunggu dulu! Situasi berubah dengan cepat. Kita baru sahaja terima set data baharu!

Baguslah **A.I.** boleh menganalisisnya dalam sekelip mata dan membantu kita bekerja dengan lebih bijak untuk menghadapi cabaran rumit ini.

Anda adalah Saintis Data Girls4tech!



Sijil Pencapaian

Tahniah!

Anda sudah diperakui



Michael Miebach
CEO, Mastercard

Susan Warner
Founder, Girls4Tech